KKLW.PER.100-4/5(2)

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH BILANGAN 2 TAHUN 2012

Setiausaha Bahagian KKLW
Ketua Unit KKLW
Ketua Pengarah
Pengurus Besar
Pengarah INFRA
Semua Pengarah Pejabat Cawangan Negeri (PCN)

GARIS PANDUAN PEROLEHAN KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan prosedur dan tatacara yang perlu dipatuhi dan diberi perhatian dalam pelaksanaan perolehan oleh semua Jabatan/Agensi/Bahagian di Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) supaya proses pengurusan dan penilaian tender dan sebut harga dilaksanakan adalah seragam.

LATAR BELAKANG

2. Dalam melaksanakan perolehan Kerajaan, Jabatan/Agensi/Bahagian di KKLW perlu mematuhi kesemua peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan menerusi Arahan Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) dan Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3. Sebagai langkah penambahbaikan di peringkat Kementerian dan untuk memberi penekanan kepada isu-isu yang utama berkaitan perolehan KKLW, maka garis panduan ini diperkenalkan bagi memantapkan proses perolehan supaya lebih sistematik dan mematuhi semua peraturan yang berkuat kuasa serta bagi mengurangkan bilangan teguran Ketua Audit Negara ke atas proses perolehan di KKLW.

PERANCANGAN PEROLEHAN

4. Selaras dengan para 3.2, Lampiran 1 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi/Bahagian dikehendaki menyediakan perancangan tahunan bagi perolehan yang akan dilaksanakan pada satu-satu tahun. **Perancangan perolehan ini perlu dikemukakan kepada Bahagian Perolehan KKLW pada minggu pertama bulan Disember setiap tahun** untuk tindakan penyelarasan oleh Bahagian Perolehan KKLW sebelum dikemukakan kepada Ketua Setiausaha. Format perancangan perolehan yang perlu dikemukakan oleh setiap Jabatan/Agensi/Bahagian adalah seperti di **Lampiran I**.

5. Dalam menyediakan perancangan perolehan tersebut, setiap Jabatan/Agensi/Bahagian perlu menyenaraikan semua perolehan yang akan dilaksanakan mengikut kaedah perolehan serta tempoh masa pelaksanaannya bagi menjamin peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan pada tahun semasa.

6. Semua Jabatan/Agensi/Bahagian perlu mengemukakan laporan status pelaksanaan perolehan setiap suku tahun seperti format di **Lampiran II** kepada Bahagian Perolehan KKLW pada minggu pertama bulan April, Julai, Oktober dan Januari untuk tujuan pemantauan.

PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA

7. Dokumen tender/sebut harga merupakan satu komponen atau elemen yang utama dalam proses perolehan. Sehubungan itu, penyediaan dokumen tender/sebut harga perlulah jelas mengikut keperluan Jabatan/Agensi/Bahagian selaras dengan surat pekeliling semasa yang berkuatkuasa.

8. Semua Jabatan/Agensi/Bahagian diingatkan untuk memastikan dokumen tender disediakan jelas terutamanya mengenai arahan kepada petender, spesifikasi kerja/bekalan/perkhidmatan yang dikehendaki dan syarat yang perlu dipatuhi oleh petender. Sebagai panduan dalam menyediakan dokumen tender/sebut harga yang lengkap, Jabatan/Agensi/Bahagian dikehendaki mematuhi para **16 sehingga 18 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007** dan disesuaikan mengikut keperluan perolehan yang hendak dilaksanakan.

PENGENAAN *LIQUIDATED AND ASCERTAINED DAMAGES* (LAD) BAGI SEBUT HARGA KERJA

9. Kelewatan dalam menyiapkan projek-projek KKLW boleh menyebabkan peningkatan kos projek selain menjejaskan imej KKLW. Pada masa ini LAD hanya dikenakan untuk perolehan kerja secara tender. Walau bagaimanapun, **tiada Pekeliling Perbendahaaraan dikeluarkan bagi menghalang pengenaan LAD ke atas perolehan kerja secara sebut harga**. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Bahagian boleh mengenakan LAD bagi perolehan kerja secara sebut harga dengan kadar-kadar seperti berikut:

Nilai Sebut Harga	Kenaan LAD Kelewatan
RM20,000 – RM100,000	RM20.00/hari
Melebihi RM100,000 – RM200,000	RM40.00/hari
Melebihi RM200,000 – RM500,00.00	Mengikut perkiraan LAD* yang ditetapkan atau minimum RM40.00/hari mengikut mana yang lebih tinggi

Nota: Keputusan Mesyuarat JKTU Bil 1/2012 pada 30 Januari 2012

Syarat-syarat LAD hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen sebut harga semasa pelawaan dibuat dan dimaklumkan kepada syarikat-syarikat semasa taklimat diadakan dan dimasukkan dalam Surat Setuju Terima, Inden Kerja dan Dokumen Kontrak.

*Pengenaan LAD boleh ditetapkan berdasarkan formula seperti berikut:

$$\text{LAD} = \frac{\text{Base Lending Rate (BLR)}}{100} \times \frac{\text{Harga Kontrak}}{365 \text{ (hari)}}$$

PENILAIAN TENDER/SEBUT HARGA

10. Semua Jabatan/Agensi/Bahagian di KKLW perlu memastikan proses penilaian tender/sebut harga dilaksanakan dengan pendekatan yang seragam dan menggunakan kaedah penilaian yang sesuai. Bagi tujuan ini, penilaian tender/sebut harga hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

10.1 Perolehan Kerja

Semua Jabatan/Agensi/Bahagian hendaklah menggunakan kaedah *cut off* bagi menentukan tawaran-tawaran harga tender yang layak dinilai dan munasabah untuk diterima. Kaedah *cut off*, yang mula diperkenalkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2004 melalui Surat Arahan KPKR bertarikh 24 Mac 2004 adalah merupakan analisis statistikal bagi setiap tawaran petender yang diterima dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Walau bagaimanapun, penentuan harga *cut off* yang berdasarkan kaedah statistik harga pasaran semata-mata telah menyebabkan kedudukan harga *cut off* yang rendah, selain daripada boleh dimanipulasi oleh petender-petender yang tidak bertanggungjawab.

Bagi mengatasi masalah ini, formula penetapan harga *cut off* telah dipinda melalui **Surat Arahan KPKR Bil. 5/2012 bertarikh 29 Februari 2012 mengenai Penggunaan Dan Penetapan Harga Cut Off**

Berdasarkan Kaedah Statistik Dan Penentuan Kemunasabahan Harga Di Dalam Penilaian Tender – Pindaan Kedua dan Surat Arahan KPKR Bil.7/2012 – Penetapan Semua Nilai Kategori Tander Dalam Panduan Penilaian Tender.

Pindaan ini telah menetapkan kaedah penilaian secara harga *cut off* seperti berikut:

'Adjusted Mean' – 15% dari 'Adjusted Mean'

ATAU

'Adjusted Mean' – Stdev

**penggunaan ikut mana yang lebih tinggi*

'Adjusted Mean' adalah :

i) Mean sekiranya Anggaran Jabatan (AJ) kurang dari nilai *Mean*; atau

ii) Purata di antara Mean dan AJ sekiranya AJ lebih tinggi dari *Mean*.

Dalam sebarang keadaan **harga cut off hendaklah tidak lebih tinggi dari AJ.**

Tatacara pengiraan *cut off* seperti di **Lampiran III.**

Harga *cut off* adalah paras harga terendah yang dianggap munasabah untuk diperakukan. **Harga tender yang lebih rendah daripada harga *cut off* dianggap sebagai rendah dan ianya boleh diperakukan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:**

Tender kurang dari RM 20 juta

a) Harga petender hendaklah tidak lebih rendah dari **(-)15%** dari **'Adjusted Mean'**;

b) Lulus di semua peringkat penilaian tender; dan

c) Jika terdapat lebih satu dari satu petender yang menawarkan harga tender di bawah harga *cut off* serta memenuhi syarat (a) dan (b) di atas, keutamaan perakuan adalah kepada petender yang mempunyai modal cair yang paling tinggi.

Tender bernilai RM 20 juta dan ke atas

a) Harga petender hendaklah tidak lebih rendah dari **(-)15%** dari **'Adjusted Mean'**;

b) Lulus di semua peringkat penilaian tender;

c) Markah keseluruhan yang diperolehi bagi **Penilaian Keupayaan Petender** (rujuk Panduan Penilaian Tender Kerja Projek Besar (Melebihi RM10.0 juta) - JKR April 2010) hendaklah melebihi **70 markah**; dan

d) Jika terdapat lebih satu dari petender yang menawarkan harga tender di bawah harga *cut off* serta memenuhi syarat (a) - (c) di

atas, keutamaan perakuan adalah kepada petender yang memperolehi markah Penilaian Keupayaan Petender yang lebih tinggi.

Tender bernilai RM 50 juta dan ke atas

a) Harga petender hendaklah tidak lebih rendah dari **(-)15%** dari **'Adjusted Mean'**;

b) Lulus di semua peringkat penilaian tender;

c) Markah keseluruhan yang diperolehi bagi **Penilaian Keupayaan Petender** (rujuk Panduan Penilaian Tender Kerja Projek Besar (Melebihi RM10.0 juta) - JKR April 2010) hendaklah melebihi **70 markah**;

d) Markah yang diperolehi bagi **Keempunyaan Loji dan Peralatan Asas** hendaklah melebihi **2.5 markah** bagi **Kerja Bangunan** atau **5 markah** bagi **Kerja Kejuruteraan Awam**;

e) Jika terdapat lebih dari satu petender yang menawarkan harga tender di bawah harga *cut-off* serta memenuhi syarat (a) - (d) di atas, keutamaan perakuan adalah kepada petender yang memperolehi markah Penilaian Keupayaan Petender yang lebih tinggi.

AJ memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan harga *cut off*. Oleh itu, bagi memberi peluang yang saksama kepada semua petender dan untuk meningkatkan ketelusan, **"anggaran jabatan terakhir"** hendaklah dinyatakan dalam dokumen tender/sebutharga di bahagian Arahan Kepada Petender sebagai **Harga Inginan Jabatan**. Contoh arahan adalah seperti di **Lampiran IV**.

Semua Jabatan/Agensi/Bahagian adalah diingatkan bahawa penggunaan **kaedah penilaian Anggaran Jabatan hanya boleh digunakan bagi tender-tender atau dalam keadaan berikut:**

a. Tender Terhad;

b. Reka dan Bina, *Turnkey* atau tender yang berasaskan cadangan rekabentuk/spesifikasi daripada petender, iaitu asas cadangan yang tidak sama;

c. Tender Terbuka yang disertai sepuluh (10) petender atau kurang; dan

d. Tender terbuka yang disertai lebih daripada sepuluh (10) petender tetapi menjadi kurang daripada sepuluh (10) setelah harga *freak* dikeluarkan selepas proses *cut off*.

Bagi kaedah penilaian Anggaran Jabatan, julat munasabah ditetapkan seperti jadual berikut:

% PERBEZAAN DARI AJ	STATUS
Kurang (-)18%	Rendah
Diantara (-)18% hingga (+)15	Munasabah
Melebihi (+)15%	Tinggi

Harga tender yang dikategorikan sebagai rendah hanya layak diperakukan sekiranya harga tersebut tidak lebih rendah dari (-)25% dari AJ tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

NILAI TENDER	SYARAT
Tender kurang dari RM20 juta	i. Lulus di semua peringkat penilaian tender; ii. Keutamaan perakuan adalah kepada petender yang mempunyai **modal cair** yang paling tinggi.
Tender bernilai RM20 juta dan ke atas	i. Lulus di semua peringkat penilaian tender; ii. Markah keseluruhan yang diperolehi bagi **Penilaian Keupayaan Petender** (rujuk Panduan Penilaian Tender Kerja Projek Besar (Melebihi RM10.0 juta) - JKR April 2010) hendaklah melebihi **70 markah**.

NILAI TENDER	SYARAT
	iii. Keutamaan perakuan adalah kepada petender yang memperolehi **markah Penilaian Keupayaan Petender** yang lebih tinggi.
Tender bernilai RM50 juta dan ke atas	i. Lulus di semua peringkat penilaian tender; ii. Markah keseluruhan yang diperolehi bagi **Penilaian Keupayaan Petender** (rujuk Panduan Penilaian Tender Kerja Projek Besar (Melebihi RM10.0 juta) - JKR April 2010) hendaklah melebihi **70 markah**. iii. Markah yang diperolehi bagi **Keempunyaan Loji dan Peralatan Asas** hendaklah melebihi **2.5 markah** bagi **Kerja Bangunan** atau **5 markah** bagi **Kerja Kejuruteraan Awam**. iv. keutamaan perakuan adalah kepada petender yang memperolehi **markah Penilaian Keupayaan Petender** yang lebih tinggi.

Adalah diingatkan bahawa penilaian tender kerja menggunakan apa jua kaedah alternatif selain daripada yang ditetapkan di atas adalah tidak dibenarkan.

10.2 Penilaian Tender/Sebut Harga Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan

Semua Jabatan/Agensi/Bahagian hendaklah membuat penilaian harga dan teknikal secara berasingan.

Penilaian teknikal hendaklah dibuat berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi. Dalam membuat penilaian teknikal, Petender/Penyebut Harga hendaklah disenaraikan berdasarkan kedudukan markah teknikal yang tertinggi tertakluk kepada Petender/Penyebut Harga lulus semua peringkat penilaian.

Penilaian harga hendaklah dibuat ke atas semua petender/penyebut harga yang mengemukakan tawaran dengan mengambil kira faktor-faktor selaras Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Bil. 5 Tahun 2009. Dalam membuat penilaian, **Jawatankuasa Penilaian Harga tidak dibenarkan untuk menyingkirkan dan tidak menilai mana-mana Petender/Penyebut Harga atas sebab Petender/Penyebut Harga menawarkan harga di luar harga munasabah**. Pihak Berkuasa Melulus akan menimbang sama ada harga tawaran adalah munasabah ataupun tidak dalam membuat keputusan.

KAEDAH REKA BINA

11. Dalam menyertai tender yang dilaksanakan mengikut kaedah Reka dan Bina, syarikat-syarikat berminat perlu mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk menyediakan cadangan masing-masing. Selain itu, proses penilaian tender secara Reka dan Bina mengambil masa yang lebih lama berbanding penilaian tender bagi projek-projek yang dilaksanakan secara konvensional.

12. Sebagai penyelesaian kepada isu-isu yang berbangkit di atas, bagi projek-projek yang menggunakan kaedah Reka dan Bina, Jabatan/Agensi/Bahagian hendaklah melaksanakan proses Pra Kelayakan (*Pre Qualification*) terlebih dahulu sebelum proses tender sebenar dibuat. Dokumen tender hanya boleh dijual kepada petender-petender yang melepasi proses tender pra kelayakan sahaja.

13. Kaedah penilaian bagi tender secara Reka dan Bina adalah menggunakan kaedah Anggaran Jabatan.

PENYEDIAAN KERTAS TAKLIMAT/PERAKUAN TENDER/SEBUT HARGA

14. Kertas taklimat untuk pertimbangan Lembaga Perolehan / Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah disediakan dengan lengkap, jelas dan teratur dengan berpandukan contoh yang diberikan dalam Garis Panduan Penilaian Tender yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bertarikh 21 Mac 2008. Ini bagi memudahkan pertimbangan

oleh ahli-ahli Lembaga Perolehan / Jawatankuasa Sebut Harga. Secara ringkas, kertas taklimat yang disediakan antara lain hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

a. Tujuan;
b. Latar Belakang;
c. Skop Kerja;
d. Maklumat Jawatankuasa Pembuka Tender / Sebut Harga;
e. Laporan Jawatankuasa Penilaian Tender / Sebut Harga;
f. Lampiran-lampiran;
g. Perakuan;
h. Pengesyoran; dan
i. Ringkasan Laporan Penilaian Tender / Sebut Harga.

15. Kertas taklimat yang disediakan juga hendaklah mengandungi ringkasan laporan penilaian Tender/Sebut Harga. Contoh-contoh ringkasan laporan adalah seperti di **Lampiran V.**

Contoh kertas taklimat adalah seperti di **Lampiran VI** (Kerja, Bekalan & Perkhidmatan dan Reka dan Bina).

PEROLEHAN SECARA eBIDDING

16. Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2012 telah memperkenalkan kaedah perolehan secara eBidding. Kaedah ini dikenal

pasti dapat memberikan penjimatan kepada perbelanjaan Kerajaan. Oleh itu, semua Jabatan/Agensi/Bahagian **sangat digalakkan** untuk menggunakan kaedah perolehan secara eBidding. Untuk itu, Jabatan/Agensi/Bahagian dikehendaki mengenal pasti item-item yang sesuai bagi bekalan dan perkhidmatan untuk dibuat perolehan secara eBidding.

17. Bagi memastikan kelangsungan kaedah eBidding dalam perolehan Kerajaan, pemantauan dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri melalui pelaporan yang perlu dikemukakan oleh Kementerian pada setiap bulan. Dalam hubungan ini, Jabatan/Agensi/Bahagian dikehendaki mengemukakan Laporan Pelaksanaan eBidding masing-masing kepada Bahagian Perolehan KKLW dalam format seperti di **Lampiran VII**.

RUNDINGAN TERUS

18. Daripada semasa ke semasa terdapat perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus. Setiap perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Bagi menentukan sesuatu perolehan boleh dibuat secara rundingan terus, pertimbangan oleh Jabatan/Agensi/Bahagian hendaklah berasaskan kriteria seperti berikut:

a. Keperluan mendesak;

b. Bagi maksud penyeragaman;

c. Satu punca bekalan/perkhidmatan (Pembuat/Pemegang/Francais);

d. Melibatkan Keselamatan/Strategik; dan

e. Kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera.

(Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 17 April 2002)

19. **Permohonan kelulusan perolehan secara rundingan terus perlu ditandatangani oleh Ketua Setiausaha / Timbalan Ketua Setiausaha**. Bagi tujuan ini permohonan oleh Jabatan/Agensi/Bahagian perlu dibuat **melalui Bahagian Perolehan KKLW**. Format permohonan adalah seperti di **Lampiran VIII**. Jabatan/Agensi/Bahagian adalah **tidak dibenarkan membuat permohonan terus** kepada Kementerian Kewangan.

20. Jawatankuasa Rundingan Harga Jabatan/Agensi/Bahagian perlu dilantik secara bertulis oleh Ketua Setiausaha. Setelah rundingan harga selesai, Urus setia Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah menyediakan perkara-perkara berikut:

a. Minit mesyuarat yang ditandatangani oleh Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa;
b. Laporan perbandingan harga yang ditandatangani oleh Pengerusi, Ahli-ahli dan wakil syarikat;
c. Kertas keputusan yang ditandatangani oleh Pengerusi dan Ahli-ahli; dan
d. Kertas persetujuan syarikat secara bertulis mengenai harga rundingan.

Format bagi perkara-perkara tersebut di atas adalah seperti di **Lampiran IX**.

LATIHAN BERKAITAN PEROLEHAN

21. Dalam melaksanakan perolehan, Jabatan/Agensi/Bahagian hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangan Jabatan/Agensi/Bahagian yang terlibat mendapat pendedahan yang mencukupi mengenai kaedah dan prosedur perolehan Kerajaan.

22. Sehubungan itu, Ketua Jabatan/Agensi/Bahagian hendaklah menganjurkan kursus berkaitan perolehan selain memastikan pegawai dan kakitangan berkenaan menyertai kursus berkaitan perolehan dari semasa ke semasa yang dianjurkan oleh KKLW atau pihak lain.

23. Setiap Jabatan/Agensi/Bahagian perlu mengemukakan laporan status pelaksanaan latihan kepada Bahagian Perolehan KKLW setiap suku tahun untuk tujuan pemantauan. Format laporan adalah seperti di **Lampiran X**.

GOVERNMENT PROCUREMENT INFORMATION SYSTEM (GPIS)

24. Kementerian Kewangan telah membangunkan sistem GPIS yang berasaskan web. Fungsi utama GPIS adalah menyimpan maklumat perolehan yang terperinci bagi agensi-agensi Kerajaan yang meliputi peringkat awal pelaksanaan perolehan sehingga projek siap.

25. Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2011, Jabatan/Agensi/Bahagian dikehendaki merekod dan sentiasa mengemaskini maklumat perolehan masing-masing ke dalam sistem GPIS secara berterusan serta memastikan maklumat adalah tepat dan terkini. Jabatan/Agensi/Bahagian juga dikehendaki memantau kemasukan dan kesahihan data yang dimasukkan oleh PTJ masing-masing.

26. Objektif GPIS antaranya untuk mengurus dan memantau maklumat Kerajaan dengan lebih cekap dan komprehensif bagi keperluan pihak atasan Kementerian Kewangan dan Agensi lain seperti Jabatan Audit Negara, PEMUDAH dan sebagainya. Prestasi GPIS juga perlu dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) sebagai salah satu daripada kriteria bagi pengurusan perolehan Agensi.

27. Pendaftaran dan pengemaskinian maklumat perolehan perlu dilaksanakan oleh pegawai atau kakitangan yang menguruskan perolehan di Jabatan/Agensi/Bahagian masing-masing melalui ID Pengguna yang dibekalkan oleh Kementerian Kewangan. GPIS boleh dicapai melalui *www.gpis.treasury.gov.my*

PEROLEHAN PERUNDING

28. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan peraturan baru perolehan perkhidmatan perunding menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2011 dan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding 2011. Melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan tersebut penurunan kuasa yang lebih besar diberikan kepada

Kementerian untuk memutuskan pelantikan perunding. Di samping itu, ia juga memperkenalkan pelantikan perunding melalui kaedah tender dan penilaian yang lebih komprehensif.

29. Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2011 telah mengarahkan semua agensi Kerajaan untuk menggunapakai sistem ePerunding bagi membolehkan urusan pelantikan perunding dipercepatkan dan diuruskan secara *online*.

30. Sehubungan itu, semua Jabatan/Agensi/Bahagian dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan.

31. Peraturan baru bagi pelantikan perunding telah menetapkan bahawa kaedah pelantikan perunding adalah melalui 4 kaedah seperti berikut:

a. Lantikan Terus Berserta Kos Siling (LTBKS);

b. Tender Terhad;

c. Tender Terbuka Pra Kelayakan; dan

d. Tender Terbuka Tanpa Pra Kelayakan.

32. Peraturan baru ini juga menetapkan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) dan Had Nilai Kuasa Melulus yang baru bagi perkhidmatan perunding seperti berikut:

PBM	Had Nilai Kuasa Melulus PBM
Jawatankuasa Sebut Harga Agensi - Bagi Agensi Bukan Teknik di Peringkat Ibu Pejabat sahaja; dan - Bagi Jabatan Teknik di peringkat Ibu Pejabat & Negeri	1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga 5 juta. 2. Kos Kajian sehingga RM500 ribu. 3. Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu.
Lembaga Perolehan 'B' Agensi	1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM20 juta. 2. Kos kajian sehingga RM2 juta. 3. Kos kerja ukur sehingga RM2 juta.
Lembaga Perolehan 'A' Agensi	1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM200 juta. 2. Kos kajian sehingga RM5 juta. 3. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta
Kementerian Kewangan	1. Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM200 juta. 2. Kos kajian melebihi RM5 juta. 3. Kos kerja ukur melebihi RM5 juta.

KUATKUASA

33. Surat Pekeliling KSU KKLW Bilangan 2 Tahun 2012 ini berkuatkuasa serta dari tarikh ianya diluluskan. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeliling lain yang berkaitan.

PEMBATALAN

34. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini, Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 2 Tahun 2007 adalah dibatalkan.

DATO' IBRAHIM BIN MUHAMAD

Tarikh : 6/7/2012
Rujukan : KKLW.PER.100-4/5(2)

s.k.

Timbalan Ketua Setiausaha (Sosio Ekonomi)

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)

LAMPIRAN I

LAMPIRAN I

PERANCANGAN PEROLEHAN AGENSI / BAHAGIAN ..... BAGI TAHUN .....

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	NAMA PROJEK	TARIKH TENDER/SEBUT HARGA/ eBIDDING / RUNDINGAN TERUS AKAN DITENDER/ DIPELAWA/ DIBIDA / DIRUNDING	TARIKH DIBENDTANGKAN DI DALAM LEMBAGA PEROLEHAN / JKSH	PERUNTUKAN KEWANGAN YANG DILULUSKAN (RM)	CATATAN
A.	KATEGORI : PEKHIDMATAN					
1.	Pembelian terus	Percetakan Buku Perangkaan	Jun 2012	-	15,000.00	
2.	Sebut Harga	Perhidmatan Kawalan Keselamatan di Bangunan Asrama	Feb 2012	April 2012	350,000.00	
B	KATEGORI : BEKALAN					
1	Sebut Harga	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Menyenggara Perkakasan, Perisian Dan Pemasangan Pendawaian Talian LAN	Mei 2012	Julai 2012	250,000.00	
C	KATEGORI : KERJA					
1.	Tender	Menaiktaraf Jalan Perumahan Zon Dato' Jaafar Bandar Penawar	Mac	Julai 2012	750,000.00	

LAMPIRAN II

PENGURUSAN PEROLEHAN

A) Perolehan Secara Tender

Jenis Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan (Bil)	Status Pelaksanaan Perancangan Tender								
		Belum Ditender (Bil)	Telah Ditender							Lain-lain (Nyatakan : cth-dibatalkan / perubahan perancangan perolehan) (Bil)
			Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima (Bil)	Telah Dikeluarkan Surat Setuju Terima						
				Syarikat Bumiputera		Syarikat Bukan Bumiputera		Jumlah Besar		
				Bil.	Jum. Nilai Perolehan (RM)	Bil.	Jum. Nilai Perolehan (RM)	Bil.	Jum. Nilai Perolehan (RM)	
Bekalan										
Perkhidmatan										
Kerja										
JUMLAH										

B) Perolehan Secara Sebut Harga

Jenis Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan (Bil)	Status Pelaksanaan Perancangan Sebut Harga								
		Belum Dipelawa (Bil)	Telah Dipelawa							Lain-lain (Nyatakan : cth-dibatalkan / perubahan perancangan perolehan) (Bil)
			Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima / Pesanan Tempatan / Inden (Bil)	Telah Dikeluarkan Surat Setuju Terima / Pesanan Tempatan / Inden						
				Syarikat Bumiputera		Syarikat Bukan Bumiputera		Jumlah Besar		
				Bil.	Jum. Nilai Perolehan (RM)	Bil.	Jum. Nilai Perolehan (RM)	Bil.	Jum. Nilai Perolehan (RM)	
Bekalan										
Perkhidmatan										
Kerja										
JUMLAH										

C) Perolehan Secara eBIDDING

Jenis Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan	Status Pelaksanaan Perancangan eBIdding								
		Belum Dipelawa	Telah Dipelawa							Lain-lain (Nyatakan : cth-dibatalkan)
			Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima / Pesanan Tempatan / Inden	Telah Dikeluarkan Surat Setuju Terima / Pesanan Tempatan / Inden						
				Syarikat Bumiputera		Syarikat Bukan Bumiputera		Jumlah Besar		
				Bil.	Jum. Nilai Perolehan RM	Bil.	Jum. Nilai Perolehan RM	Bil.	Jum. Nilai Perolehan RM	
	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.
Bekalan										
Perkhidmatan										
JUMLAH										

D) Perolehan Melalui Kontrak Pusat & Kontrak Pusat Sistem Panel

Item Kontrak Pusat & Kontrak Pusat Sistem Panel (SILA SENARAIKAN)	Jum. Nilai Perolehan (RM)
BIL / ITEM	
1) Pos Laju	
2) Kerusi Berasaskan Kain	
3) Kabinet Besi	
4) Sampul Surat	
5) Perabot Berasaskan Kayu	
JUMLAH	

LAMPIRAN III

LAMPIRAN III

TATACARA PENGIRAAN HARGA 'CUT-OFF'

1. Pengiraan Harga 'Cut-off' adalah berdasarkan formula berikut :-

'Adjusted Mean' – **15% dari Adjusted Mean**'

atau 'Adjusted Mean' – 'Stdev'

yang mana lebih tinggi dari formula pengiraan di atas dan dalam sebarang keadaan **harga** 'cut-off' hendaklah **tidak lebih tinggi** dari **nilai AJ.**

Di mana :-

a) **AJ** adalah anggaran jabatan yang terakhir yang dimasukkan di dalam peti tender sebelum tender ditutup.

b) 'Adjusted Mean' adalah :-

i) 'Mean' sekiranya **AJ** kurang dari nilai 'Mean'.

ii) **Purata** di antara 'Mean' dan **AJ** sekirannya **AJ** lebih tinggi dari 'Mean'.

c) 'Mean' adalah purata bagi kesemua harga-harga tender yang diterima dan boleh diambilkira termasuk **AJ** (sebagai salah satu dari harga tender) iaitu :-

$$\Sigma X/N$$

d) 'Stdev' adalah 'Standard Deviation' bagi kesemua harga-harga tender yang diterima dan boleh diambilkira termasuk **AJ** iaitu :-

$$\sqrt{\frac{N\Sigma X^2 - (\Sigma X)^2}{N^2}}$$

Di mana :-

X = Harga-harga Tender dan AJ
N = Bilangan Tender + 1 (AJ)

2. Semakan Harga 'Freak'.

Sebarang Harga Tender yang dianggap 'freak' hendaklah dikeluarkan daripada pengiraan. Untuk tujuan ini, adalah diputuskan bahawa sesuatu **Harga Tender** atau **AJ** hendaklah dikira sebagai 'freak' sekiranya :-

X – 'Mean' > 2.33 kali 'Stdev' (Z-score > 2.33)

Atau

X – 'Mean' < -2.33 kali 'Stdev' (Z-score < - 2.33)

3. Pengiraan berdasarkan Harga Kerja Pembina ('Builders Works')

Semua pengiraan harga 'cut-off' dan pengiraan status perbandingan harga adalah berdasarkan harga kerja pembina.

LAMPIRAN IV

LAMPIRAN IV

ARAHAN KEPADA PETENDER

Harga Inginan Jabatan

Harga Inginan Jabatan bagi tender ini adalah sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia : .....). Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap ketidaktepatan harga ini dan pihak Petender bebas dan bertanggungjawab untuk mengemukakan harga tender masing-masing.

LAMPIRAN V

PERKHIDMATAN .....

LAMPIRAN V1

Tarikh Iklan :
Tarikh Taklimat / Lawatan Tapak (wajib) :
Tarikh Tutup :
Tarikh Buka:
Anggaran Jabatan :

BIL	NO PETENDER	PETENDER / PENYEBUT HARGA	HARGA TAWARAN	SERAHAN DOKUMEN		KEHADIRAN TAKLIMAT	KEHADIRAN LAWATAN TAPAK	JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA					JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL									URUS SETIA PEROLEHAN	
								PENILAIAN PERINGKAT AWAL		PENILAIAN PERINGKAT AKHIR		KEPUTUSAN	PERINGKAT I		PERINGKAT II					KEPUTUSAN		SYOR URUS SETIA	
				DOKUMEN SOKONGAN MELALUI PETI TENDER	DI KUNCI MASUK KE DALAM SISTEM ePEROLEHAN			KECUKUPAN DOKUMEN WAJIB	KEPUTUSAN PENILAIAN PERINGKAT I	KECUKUPAN MODAL MINIMA	KEPUTUSAN PENILAIAN PERINGKAT II	SYOR JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA	KECUKUPAN / KESEMPURNAAN DOKUMEN WAJIB	KEPUTUSAN PENILAIAN PERINGKAT I	PEMATUHAN KEPADA JADUAL SPESIFIKASI	PENGALAMAN BERKAITAN	TEMPOH PENGHANTARAN / PENYIAPAN PROJEK	MARKAH	KEPUTUSAN PENILAIAN PERINGKAT II	SYOR JAWATANKUASA TEKNIKAL	PENYEBUT HARGA YANG LULUS PENILAIAN HARGA DAN TEKNIKAL	SYOR (BERDASARKAN TURUTAN HARGA TERENDAH)
1	9/14	A	756,090.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (1)	LULUS	LULUS	LULUS	ADA	4 BULAN	64.84% (5)	LULUS	DISYORKAN (5)	LULUS DAN DISYORKAN	
2	3/14	B	838,111.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (2)	LULUS	LULUS	LULUS	ADA	2 BULAN	89.47% (1)	LULUS	DISYORKAN (1)	LULUS DAN DISYORKAN	
3	5/14	C	872,217.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (3)	LULUS	LULUS	LULUS	ADA	6 BULAN	76.38% (2)	LULUS	DISYORKAN (2)	LULUS DAN DISYORKAN	
4	8/14	D	885,200.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (4)	LULUS	LULUS	LULUS	TIADA	3 BULAN	79.32% (3)	LULUS	DISYORKAN (3)	LULUS DAN DISYORKAN	
5	6/14	E	887,850.00	√	√	√	x	TIDAK DINILAI														
6	4/14	F	900,600.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (5)	GAGAL	GAGAL	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	GAGAL	GAGAL	GAGAL	
7	7/14	G	928,668.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (6)	GAGAL	GAGAL	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	GAGAL	GAGAL	GAGAL	
8	10/14	H	982,423.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (7)	LULUS	LULUS	LULUS	ADA	6 BULAN	78.59% (7)	LULUS	DISYORKAN (4)	LULUS DAN DISYORKAN	
9	13/14	I	1,203,346.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	GAGAL	GAGAL	GAGAL	GAGAL	GAGAL	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	GAGAL	GAGAL	GAGAL	
10	2/14	J	1,251,050.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (8)	GAGAL	GAGAL	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	GAGAL	GAGAL	GAGAL	
11	1/14	K	1,600,000.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (9)	GAGAL	GAGAL	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	GAGAL	GAGAL	GAGAL	
12	11/14	L	2,468,800.00	√	√	√	√	LULUS	LULUS	LULUS	LULUS	DISYORKAN (10)	GAGAL	GAGAL	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	TIDAK DINILAI	GAGAL	GAGAL	GAGAL	
13	12/14	M	2,597,845.80	√	√	X	√	TIDAK DINILAI														
14	14/14	N	Dokumen Lewat Diterima					TIDAK DINILAI														
15	15	O	Tiada Serahan Dalam Sistem ePerolehan					TIDAK DINILAI														

1. Petender 9/14 - A (RM750,090.00)
2. Petender 3/14 - B (RM838,111.00)
3. Petender 5/14 - C (RM872,217.00)
4. Petender 8/14 - D (RM885,200.00)
5. Petender 10/14 - H (RM982,423.00)

RINGKASAN LAPORAN PENILAIAN TENDER

PROJEK SECARA REKA DAN BINA.

LAMPIRAN V2

Panggil Tender :	
Tulup Tender :	
Pembukaan Tender :	
Tawaran :	
No. Tender :	
Anggaran Jabatan :	
Anggaran Jabatan :	

Bil.	Ruj.	Nama Pentender	Harga Tawaran (RM)	PC	Harga Tawaran kerja Pembina (RM)	Perbezaan dari Anggaran Jabatan		Tempoh Siap Kerja (Minggu)	Penilaian Peringkat Pertama						Penilaian Peringkat Kedua												Penilaian Peringkat Ketiga	Penilaian Teknikal		Keputusan Keseluruhan	Catatan
						Perbezaan (RM)	%		Kesempurnaan Tender	Kecukupan Dokumen	Modal Minimum	Pretasi Kerja Semasa	Keputusan	Status Penender	Keupayaan Kewangan (Borang 7 & 8)		Pengalaman (Borang 9)	Kfign Teknikal (Borang 10)	Logi (Borang 11)	Jumlah Markah	Keputusan	Jumlah Markah	Keputusan Keseluruhan (Borang 13)	Faktor Rendahan Harga (Borang 14&15)	Jumlah Markah	Keputusan		
									Borang 1	Borang 2	Borang 3	Borang 4	Borang 5	PB	Markah	Keputusan					12.50		45.00					
														PBP	50.00	20.00	35.00	15.00	0.00		3.80		27.50		1235			
1	7/47	SYARIKAT AA	117,162,590.40	-	117,162,590.40	-46,767,228.63	-28.53%	30	LULUS	LULUS	GAGAL	T.K.S	GAGAL																	
2	15/47	SYARIKAT BB	119,592,283.60	-	119,592,283.60	-44,337,535.43	-27.05%	30	LULUS	LULUS	GAGAL	SAKIT	GAGAL																	
3	3/47	SYARIKAT CC	135,896,535.00	-	135,896,535.00	-28,033,284.03	-17.10%	29	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	2.10	8.00	0.00	10.10	LULUS	60.10	LULUS	LULUS	1376	LULUS	LULUS	
4	42/47	SYARIKAT DD	137,187,713.00	-	137,187,713.00	-26,742,105.03	-16.31%	30	GAGAL	LULUS	GAGAL	T.K.S	GAGAL																	
5	30/47	SYARIKAT ED	138,582,092.00	-	138,582,092.00	-25,347,727.03	-15.46%	29	LULUS	LULUS	LULUS	CEMERLANG	LULUS	PBP	50.00	LULUS	16.49	9.94	0.00	26.43	LULUS	76.43	LULUS	LULUS	1226	GAGAL	GAGAL	
6	32/47	SYARIKAT FF	139,525,660.00	-	139,525,660.00	-24,404,159.03	-14.89%	29	LULUS	LULUS	LULUS	CEMERLANG	LULUS	PBP	50.00	LULUS	5.04	14.75	0.00	19.79	LULUS	69.79	LULUS	LULUS	1401	LULUS	LULUS	
7	37/47	SYARIKAT GY	142,245,000.00	-	142,245,000.00	-21,684,819.03	-13.23%	30	LULUS	LULUS	LULUS	CEMERLANG	LULUS	PBP	50.00	LULUS	2.64	10.65	0.00	13.29	LULUS	63.29	LULUS	LULUS	1669	LULUS	LULUS	
8	4/47	SYARIKAT HY	142,437,000.00	-	142,437,000.00	-21,492,819.03	-13.11%	30	LULUS	LULUS	LULUS	CEMERLANG	LULUS	PBP	17.98	GAGAL	0.00	12.65	0.00	12.65	LULUS	30.63	GAGAL		1639	LULUS	GAGAL	
9	19/47	SYARIKAT IJK	142,828,000.00	-	142,828,000.00	-21,101,819.03	-12.87%	30	LULUS	LULUS	LULUS	SAKIT	GAGAL																	
10	22/47	SYARIKAT AHA	142,962,500.00	-	142,962,500.00	-20,967,319.03	-12.79%	30	LULUS	LULUS	LULUS	***	LULUS	PBP	50.00	LULUS	7.66	14.25	0.00	21.91	LULUS	71.91	LULUS		2020	LULUS	LULUS	
11	29/47	SYARIKAT UJUR	143,345,535.00		143,345,535.00	-20,584,284.03	-12.56%	30	LULUS	LULUS	LULUS	MEMUASKAN	LULUS	PB	50.00	LULUS	31.81	9.53	0.00	41.34	LULUS	91.34	LULUS		793	GAGAL	GAGAL	
12	33/47	SYARIKAT LAMA	143,363,535.00	-	143,363,535.00	-20,566,284.03	-12.55%	29	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	12.82	GAGAL	0.28	10.93	0.00	11.21	LULUS	24.03	GAGAL		783	GAGAL	GAGAL	
13	31/47	SYARIKAT BARU	143,766,526.59	-	143,766,526.59	-20,163,292.44	-12.30%	TD	GAGAL	LULUS	GAGAL	T.K.S	GAGAL																	
14	6/47	SYARIKAT KLASIK.	145,918,562.50	-	145,918,562.50	-18,011,256.53	-10.99%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	4.03	8.53	0.00	12.55	LULUS	62.55	LULUS		1999	LULUS	LULUS	
15	41/47	SYARIKAT MNT	146,925,000.00	-	146,925,000.00	-17,004,819.03	-10.37%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PB	33.62	LULUS	10.69	13.19	0.00	23.87	LULUS	57.50	LULUS		1921	LULUS	LULUS	
16	36/47	SYARIKAT JUARA	147,170,540.00	-	147,170,540.00	-16,759,279.03	-10.22%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	0.61	14.72	0.00	15.33	LULUS	65.33	LULUS		1819	LULUS	LULUS	
17	23/47	SYARIKAT JOHAN	147,329,000.00	-	147,329,000.00	-16,600,819.03	-10.13%	30	LULUS	LULUS	LULUS	CEMERLANG	LULUS	PB	50.00	LULUS	26.25	13.38	0.00	39.63	LULUS	89.63	LULUS		1958	LULUS	LULUS	
18	47/47	SYARIKAT KREATIF	147,899,468.00	-	147,899,468.00	-16,030,351.03	-9.78%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	4.18	9.37	0.00	13.55	LULUS	63.55	LULUS		1961	LULUS	LULUS	
19	39/47	SYARIKAT BINA	148,405,000.00	-	148,405,000.00	-15,524,819.03	-9.47%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	0.55	6.94	0.00	7.49	LULUS	57.49	LULUS		1748	LULUS	LULUS	
20	2/47	SYARIKAT PERIUK	148,993,236.00	-	148,993,236.00	-14,936,583.03	-9.11%	36	GAGAL	LULUS	LULUS	T.K.S	GAGAL																	
21	35/47	SYARIKAT LOMK	150,068,400.00	-	150,068,400.00	-13,861,419.03	-8.46%	30	LULUS	LULUS	LULUS	CEMERLANG	LULUS	PBP	19.00	GAGAL	9.07	14.66	0.00	23.73	LULUS	42.73	GAGAL		2059	LULUS	GAGAL	
22	44/47	SYARIKAT PRT	150,779,635.32	-	150,779,635.32	-13,150,183.71	-8.02%	TD	GAGAL	LULUS	LULUS	T.K.S	GAGAL																	
23	5/47	SYARIKAT WQQ	151,811,668.00	-	151,811,668.00	-12,118,151.03	-7.39%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	0.04	5.35	0.00	5.39	LULUS	55.39	LULUS		1989	LULUS	LULUS	
24	34/47	SYARIKAT TYU	152,000,000.00	-	152,000,000.00	-11,929,819.03	-7.28%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PB	50.00	LULUS	17.58	10.26	0.00	27.84	LULUS	77.84	LULUS		848	GAGAL	GAGAL	
25	25/47	SYARIKAT PERSENT	152,210,825.00	-	152,210,825.00	-11,718,994.03	-7.15%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	0.18	8.19	0.00	8.37	LULUS	58.37	LULUS		1955	LULUS	LULUS	
26	1/47	SYARIKAT DAULAT	154,465,000.00	-	154,465,000.00	-9,464,819.03	-5.77%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	0.40	9.50	0.00	9.90	LULUS	59.90	GAGAL		1304	LULUS	GAGAL	
27	12/47	SYARIKAT KRAF	154,854,691.97	-	154,854,691.97	-9,075,127.06	-5.54%	30	LULUS	LULUS	LULUS	CEMERLANG	LULUS	PBP	50.00	LULUS	6.28	12.19	0.00	18.47	LULUS	68.47	LULUS		1810	LULUS	LULUS	
28	26/47	SYARIKAT LINU	155,100,000.00	-	155,100,000.00	-8,829,819.03	-5.39%	30	LULUS	LULUS	LULUS	SAKIT	GAGAL																	
29	43/47	SYARIKAT PIAU	155,568,300.00	-	155,568,300.00	-8,361,519.03	-5.10%	30	GAGAL	LULUS	GAGAL	***	GAGAL																	
30	10/47	SYARIKAT PRESINT	155,668,693.11	-	155,668,693.11	-8,261,125.92	-5.04%	30	LULUS	LULUS	LULUS	*	LULUS	PB	50.00	LULUS	16.15	9.11	0.00	25.26	LULUS	75.26	LULUS		1388	LULUS	LULUS	
31	45/47	SYARIKAT GAGAH	156,482,694.26	-	156,482,694.26	-7,447,124.77	-4.54%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	1.15	5.30	0.00	6.45	LULUS	56.45	LULUS		1822	LULUS	LULUS	
32	17/47	SYARIKAT JIWA	157,000,000.00	-	157,000,000.00	-6,929,819.03	-4.23%	30	LULUS	LULUS	LULUS	SAKIT	GAGAL																	
33	13/47	SYARIKAT HATI	157,296,695.40	-	157,296,695.40	-6,633,123.63	-4.05%	30	LULUS	LULUS	LULUS	MEMUASKAN	LULUS	PBP	50.00	LULUS	0.37	9.22	0.00	9.59	LULUS	59.59	LULUS		1827	LULUS	LULUS	
34	27/47	SYARIKAT MAKAN	157,500,000.00	-	157,500,000.00	-6,429,819.03	-3.92%	30	LULUS	LULUS	LULUS	SAKIT	GAGAL																	

RINGKASAN LAPORAN PENILAIAN TENDER

PROJEK SECARA REKA DAN BINA.

Panggil Tender :	
Tutup Tender :	
Pembukaan Tender :	
Tawaran :	
No. Tender :	
Anggaran Jabatan :	
Anggaran Jabatan :	

Bil.	Ruj	Nama Pentender	Harga Tawaran (RM)	PC	Harga Tawaran kerja Pembina (RM)	Perbezaan dari Anggaran Jabatan		Tempoh Siap Kerja (Minggu)	Penilaian Peringkat Pertama					Penilaian Peringkat Kedua											Penilaian Peringkat Ketiga	Penilaian Teknikal		Keputusan Keseluruhan	Catatan
						Perbezaan (RM)	%		Kesempurnaan Tender	Kecukupan Dokumen	Modal Minimum	Pretasi Kerja Semasa	Keputusan	Status Penender	Keupayaan Kewangan (Borang 7 & 8)		Pengalaman (Borang 9)	K/tgn Teknikal (Borang 10)	Logi (Borang 11)	Jumlah Markah	Keputusan	Jumlah Markah	Keputusan Keseluruhan (Borang 13)		Faktor Rendahan Harga (Borang 14&15)	Jumlah Markah	Keputusan		
															Markah	Keputusan													
									Borang 1	Borang 2	Borang 3	Borang 4	Borang 5	PB	50.00	20.00	35.00	15.00	0.00		12.50		45.00						
														PBP	50.00	20.00	35.00	15.00	0.00		3.80		27.50						
35	14/47	SYARIKAT BIRU	158,095,622.45	-	158,095,622.45	-5,834,196.58	-3.56%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	0.00	6.41	0.00	6.41	LULUS	56.41	LULUS			1401	LULUS	LULUS	
36	11/47	SYARIKAT MERAH	158,550,000.00	-	158,550,000.00	-5,378,819.03	-3.28%	28	LULUS	LULUS	LULUS	SAKIT	GAGAL																
37	28/47	SYARIKAT HIJAU	159,999,999.88	-	159,999,999.88	-3,929,819.15	-2.40%	30	GAGAL	LULUS	LULUS	MEMUASKAN	GAGAL																
38	9/47	SYARIKAT TEMPOYONG	160,090,000.00	-	160,090,000.00	-3,839,819.03	-2.34%	30	LULUS	LULUS	LULUS	SAKIT	GAGAL																
39	40/47	SYARIKAT CCD	161,256,264.00	-	161,256,264.00	-2,673,555.03	-1.63%	30	LULUS	LULUS	LULUS	SAKIT	GAGAL																
40	21/47	SYARIKAT CIDB	163,000,534.00	-	163,000,534.00	-929,285.03	-0.57%	30	LULUS	LULUS	LULUS	***	LULUS	PBP	50.00	LULUS	1.45	6.58	0.00	8.02	LULUS	58.02	LULUS			1594	LULUS	LULUS	
41	18/47	SYARIKAT PUKONSA	163,850,000.00	-	163,850,000.00	-79,819.03	-0.05%	30	LULUS	LULUS	LULUS	CEMERLANG	LULUS	PBP	28.70	LULUS	35.00	12.69	0.00	47.69	LULUS	76.39	LULUS			1697	LULUS	LULUS	
42	8/47	SYARIKAT UPKJ	167,591,490.00	-	167,591,490.00	3,661,670.97	2.23%	30	LULUS	LULUS	LULUS	MEMUASKAN	LULUS	PB	36.14	LULUS	9.13	10.19	0.00	19.32	LULUS	55.45	LULUS			1755	LULUS	LULUS	
43	24/47	SYARIKAT PKK	167,680,924.00	-	167,680,924.00	3,751,104.97	2.29%	30	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	29.24	13.50	0.00	42.74	LULUS	92.74	LULUS			1747	LULUS	LULUS	
44	20/47	SYARIKAT DUNIA	169,000,000.00	-	169,000,000.00	5,070,180.97	3.09%	29.5	LULUS	LULUS	LULUS	T.K.S	LULUS	PBP	50.00	LULUS	6.15	10.00	0.00	16.15	LULUS	66.15	LULUS			1955	LULUS	LULUS	
45	16/47	SYARIKAT BUMI	Tidak Dinyatakan	-	Tidak Dinyatakan	-	-	TD	GAGAL	LULUS	LULUS	CEMERLANG	GAGAL																
46	38/47	SYARIKAT DARATAN	Tidak Dinyatakan	-	Tidak Dinyatakan	-	-	TD	GAGAL	LULUS	GAGAL	T.K.S	GAGAL																
47	46/47	SYARIKAT PPIUM	Tidak Dinyatakan	-	Tidak Dinyatakan	-	-	TD	GAGAL	LULUS	LULUS	MEMUASKAN	GAGAL																

PB : Kontraktor Berpengalaman

PBP Kontraktor Tidak Berpengalaman

TD Tidak Dinyatakan

*** Mengemukakan Borang GA Tetapi Tidak Lengkap.

* Mempunyai lebih dari 1 projek semasa, tidak mengemukakan Borang GA bagi semua projek

LAMPIRAN V3

PROJEK KONVENSIONAL KECIL

Panggil Tender
Tutup Tender
Anggaran Jabatan
Harga Mean Pembina
Tempoh Siap Maksima

Bil.	Kod Tender	Nama Pentender	Harga Tawaran (RM)	Harga Kerja Pembina (RM)	Perbandingan Harga Kerja Pembina dengan Harga Mean Pembina		Tempoh Kontrak (Minggu)	Penilaian Peringkat Pertama					Penilaian Peringkat Kedua			
					Perbezaan (RM)	%		Kesempurnaan Tender (Borang 1)	Kecukupan Dokumen (Wajib) (Borang 2)	Kecukupan Modal (Borang 3)	Penilaian Prestasi Pentender (Borang 4)	Keputusan Penilaian Awal Peringkat Pertama (Borang 5)	Senarai Pelender Yang Lulus Penilaian Awal Mengikut Harga Turutan Tender (Borang 6)	Faktor Rendahan Harga (Borang 7)	Keputusan Penilaian Peringkat Ke-2	
